

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika sukanan pelajaran hak asasi manusia, asas politik, sejarah dunia yang lebih inklusif dan pendidikan seks, terutama sekali mengenai hak kanak-kanak, jenayah seksual dan keganasan rumah tangga akan diperkenalkan, adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan sistem loker di sekolah rendah dan menengah supaya para pelajar tidak dibebani dengan membawa buku-buku yang berat ke sekolah dan pulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial (PEERS) yang merangkumi elemen ‘pendidikan seksualiti’ melalui kurikulum Pendidikan Kesihatan sejak tahun 1989 di sekolah menengah dan bermula tahun 1994 di sekolah rendah. Silibus PEERS yang merangkumi topik seperti hak kanak-kanak, jenayah seksual dan keganasan rumah tangga digubal berdasarkan kepada tahap perkembangan kognitif serta kesesuaian peringkat umur kumpulan sasaran. PEERS diajar bermula dari peringkat prasekolah hingga Tingkatan Lima di semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kurikulum Sejarah yang sedang dilaksanakan kini sama ada di sekolah rendah atau di sekolah menengah, turut memberi pendedahan kepada murid tentang asas politik dan sejarah dunia. Dalam kurikulum sejarah juga terkandung unsur-unsur pendidikan hak asasi manusia. Begitu juga dalam Pendidikan Sivik, murid diajar mengenai hak asasi di bawah tajuk nilai bertanggungjawab dan pelbagai tajuk lain secara eksplisit.

Berkaitan dengan pemasangan *locker* sebagai langkah mengurangkan berat beg sekolah murid, KPM ingin memaklumkan bahawa cadangan pemasangan *locker* tersebut adalah termasuk dalam pembekalan peralatan dan perabot sekolah yang perlu dibuat bersekali dengan perancangan pembinaan bangunan sekolah, sekiranya terdapat keperluan. Walau bagaimanapun, pemasangan *locker* di sekolah sedia ada bergantung kepada kesesuaian dan diuruskan berasingan oleh sekolah masing-masing dan inisiatif Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) ataupun Lembaga Pengurus Sekolah (LPS).

Untuk makluman, sebanyak tiga (3) kajian yang berkaitan telah dibuat pada tahun 2000, 2008 dan 2010. Dapatan daripada semua kajian menunjukkan bahawa peratus berat buku teks sahaja adalah di antara 3.21 peratus hingga 7.60 peratus berbanding berat badan murid. Peratus ini di bawah 15 peratus iaitu peratus berat paling maksimum yang dicadangkan oleh pertubuhan antarabangsa. Walau bagaimanapun, berat beg yang berlebihan adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain selain buku teks.

Sekian, terima kasih.